



## ULASAN BUKU / *BOOK REVIEW*

*Islam Hadhari dalam negara Islam* oleh Abdul Manaf Ahmad. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2006, 151 hlm.

Diulas oleh Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari

---

Buku ini merupakan antara karya yang boleh dikategorikan sebagai ‘reaksi’ kepada pengisytiharan prinsip Islam Hadhari yang telah diperkenalkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah Ahmad Badawi (Dato’ Seri ketika itu) pada tahun 2004. Buku ini telah ditulis oleh Datuk Abdul Manaf Haji Ahmad, bekas Timbalan Yang Di-Pertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia dan dihadiahkan kepada saya 24 Mac 2007 ketika bertemu beliau di pejabat YADIM untuk membincangkan tentang kerjasama menganjurkan sebuah seminar berkaitan sejarah dan tamadun Islam.

Buku ini digarap untuk menelusuri konsep kenegaraan di dalam Islam termasuk konsep Islam Hadhari yang diketengahkan oleh kerajaan. Buku ini turut menyingkap sejarah negara Islam dari zaman Rasulullah s.a.w sehingga pemerintahan kerajaan Islam sekarang. Penulis berpendapat bahawa gaya pemerintahan Rasulullah s.a.w. merupakan panduan yang paling ideal untuk umat Islam menjalankan pemerintahan negara. Baginda s.a.w. merupakan model bagi umat Islam menyelesaikan masalah negara dan bagaimana melaksanakan sebuah pemerintahan yang adil kepada setiap rakyat termasuk yang bukan beragama Islam. Selain itu, buku ini turut menyentuh pelbagai aspek penting seperti Perjanjian Hudaibiyah, *Sahifah Madinah*, Perlembagaan Malaysia dan sebagainya untuk renungan para pembaca. Selain itu, buku ini mengandungi beberapa faktor penting seperti berikut:

1. Nas asal Perlembagaan Islam Madinah yang ditinggalkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. untuk panduan dan rujukan umat Islam.
2. Ulasan mengenai isu-isu penting dalam Perlembagaan Malaysia khususnya berkaitan Islam sebagai agama Persekutuan oleh pakar perundangan seperti Prof. Tan Sri Ahmad Ibrahim.
3. Kajian perbandingan yang menarik di antara Perlembagaan Islam dan Perlembagaan Malaysia.

4. Mengandungi hujah-hujah yang bersandarkan ayat-ayat al-Qur'an dan hadith serta pendapat ulama *salaf* dan *khalaf*.
5. Ulasan Ketua Hakim Mahkamah Syariah Malaysia.

Buku ini dibahagikan kepada empat bab utama iaitu:-

Bab Pertama	Negara Islam
Bab Kedua	Peranan Islam dalam Perlembagaan Malaysia
Bab Ketiga	Kajian perbandingan
Bab Keempat	Islam Hadhari: Pendekatan Malaysia bagi mencapai kemajuan ummah

Bab pertama membincangkan sejarah kemunculan negara Islam bermula dari zaman Rasulullah s.a.w. hingga zaman Kerajaan 'Abbasiyyah. Penulis telah menghuraikan proses pembentukan kerajaan Islam di Madinah dengan menyatukan persaudaraan antara kaum *Ansar* dan *Muhajirin*, mewujudkan perikatan dengan golongan Yahudi Madinah, memeterai Perjanjian Hudaibiyah dengan orang kafir *Quraisy* dan membentuk Sahifah Madinah (hlm. 1-15). Semua usaha ini telah dilakukan dengan baik oleh Rasulullah s.a.w. untuk menjamin *survival* negara Islam Madinah yang baru ditubuhkan. Bab ini turut membincangkan tentang Perlembagaan Madinah (atau *Sahifah Madinah*) dan peranannya dalam membentuk ummah dan bangsa bagi sebuah negara Islam. Selain itu, perlembagaan ini turut berperanan untuk menjaga keamanan dan kebahagiaan rakyat jelata di negara Islam Madinah. Penulis turut memuatkan teks dokumen Perlembagaan Madinah yang siap diterjemah ke dalam bahasa Melayu sebagai rujukan (hlm. 26-41). Bab ini turut menjelaskan secara ringkas tentang perjalanan sistem pemerintahan Islam selepas zaman Rasulullah s.a.w. iaitu era *Khulafa' al-Rashidin*, *Umawi* dan *'Abbasi*. Tanggungjawab rakyat dan pemerintah turut disertakan sebagai kaedah untuk menjamin kestabilan dan keutuhan negara.

Bab kedua membincangkan tentang peranan Islam dalam Perlembagaan Malaysia. Perlembagaan Malaysia telah meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan dan bererti pemerintahannya berteraskan kepada ketuhanan Allah Yang Esa dan menolak anggapan bahawa Perlembagaan Malaysia bersifat sekular. Selain itu, bab ini turut mengulas beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia yang bertepatan dengan tuntutan Islam seperti Perkara 121 (1A), Bahagian 2 Perkara 5 berkaitan kebebasan diri, Perkara 6 (1) yang menolak hamba abdi, Perkara 8 (1) berkaitan sama rata menurut Islam, dan Perkara 32 (1) menyebut tentang jawatan Yang Di-Pertuan Agong yang boleh disamakan dengan jawatan khalifah dalam Islam (hlm. 75-90).

Bab ketiga memuatkan kajian perbandingan antara Perlembagaan Islam dengan Perlembagaan Malaysia. Penulis menjelaskan dalam buku ini bahawa Perlembagaan Malaysia berpandukan al-Qur'an dan tidak bersifat sekular

kerana meletakkan kuasa yang ada kepada agama Islam di mercu yang tinggi, apabila ia mengiktiraf agama Islam sebagai agama Persekutuan. Penulis turut menyenaraikan nilai-nilai tersirat dalam perlembagaan yang memasukkan Islam sebagai agama Persekutuan mengandungi unsur-unsur berikut (hlm. 99-100):

1. Agama Islam mengaku dan mengiktiraf bahawa kuasa Allah mengatasi segala kuasa yang tersebut dalam Perlembagaan Malaysia. Dengan itu, ia selari dengan Perlembagaan Islam yang menyebut bahawa kuasa Allah mengatasi segala kuasa lain.
2. Agama Islam mengaku al-Qur'an sebagai perlembagaan yang unggul, tunggal dan lengkap. Perlembagaan Malaysia merupakan secebis daripadanya.
3. Mengaku dan percaya kepada *syahadah* dan beriman dengannya.
4. Mengaku sebagai umat Islam yang percaya kepada Rukun Islam dan Rukun Iman.
5. Melaksanakan syariat Islam seperti yang dikehendaki di dalam al-Qur'an sedikit demi sedikit sekadar yang termampu.

Penulis turut menyatakan bahawa Rukun Islam menjadi sandaran kepada Perlembagaan Malaysia. Malah, Perlembagaan Malaysia ini memberi banyak faedah dan manfaat kepada umat Islam kerana sentiasa mendapat peruntukan yang mencukupi bagi program-program meningkatkan syiar Islam sehingga dapat mengembangkan *Dawlah al-Islamiyyah* dengan bebas dan berkesan. Antara faedah-faedah tersebut ialah penubuhan Majlis Kebangsaan Hal-ehwal Ugama Islam Malaysia, pendidikan Islam, melindungi Islam, peruntukan kewangan kerajaan untuk pembangunan umat Islam, hak istimewa orang Melayu dan kebebasan beragama (hlm. 112-117).

Bab keempat membincangkan Islam Hadhari dan pendekatan Malaysia bagi mencapai kemajuan ummah. Permulaan bab ini berkisarkan kepada sejarah ringkas pembangunan dan perkembangan Islam di Malaysia bermula pada zaman penjajahan hingga era pemerintahan Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri Malaysia. Antaranya seperti kuasa Raja-Raja Melayu terhadap hak keistimewaan orang Melayu dan kesucian agama Islam, penubuhan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), penyertaan Malaysia dalam Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC), pembangunan bidang pendidikan agama, penubuhan yayasan agama seperti Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM), penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran, penubuhan institusi seperti Bank Islam dan Universiti Islam

Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan pemeraksanaan Islam menerusi gagasan Islam Hadhari (hlm. 118-121).

Penulis merasakan Islam Hadhari dibawa pada masa yang tepat ketika rakyat Islam di Malaysia mahukan satu perlembagaan Islam wujud dalam pemerintahan negara. Selain itu, gagasan ini turut memberi penekanan kepada aspek-aspek utama Islam seperti politik, ekonomi, sosial, akidah dan peradaban (*hadharah*). Penulis telah mendefinisikan Islam Hadhari sebagai Islam yang menekankan aspek tamadun dan dalam bahasa Inggeris sebagai *Civilizational Islam* atau *Islamic Civilizational Approach*. Justeru, takrifan ini membawa maksud ajaran Islam yang fokus kepada kehidupan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat dan negara yang bertamadun dan mempunyai peradaban yang unggul bagi menghadapi cabaran alaf baru seperti ledakan maklumat, dunia tanpa sempadan, ekonomi global, budaya materialisme, krisis identiti, jati diri serta masalah penjajahan pemikiran dan cara hidup (hlm. 125-126). Namun demikian, terdapat begitu banyak perbezaan dan perselisihan berkaitan takrif dan istilah Islam Hadhari misalnya Abdul Hadi Awang yang menolak istilah Islam Hadhari yang mempunyai kesilapan dari sudut tatabahasa dan merasakan istilah yang tepat ialah *al-Hadharah al-Islamiyyah*. Walau bagaimanapun, 10 prinsip utama Islam Hadhari yang diperkenalkan tidak bercanggah dengan ajaran Islam dan berlandaskan al-Qur'an. Selain itu, menerusi prinsip Islam Hadhari, rakyat dapat mengembangkan potensi diri masing-masing, tanpa takut untuk meluahkan kreativiti kerana tiada halangan sama ada dari segi halangan budaya, undang-undang dan adat resam. Semua ini akan dapat membentuk semangat kesukarelaan yang tinggi sehingga mencintai kebaikan dan melakukannya hanya untuk mendapat keredhaan Allah.

Penulis turut menyatakan pendapat dalam buku ini bahawa konsep Islam Hadhari perlu dijelaskan kepada pegawai kerajaan dan orang awam agar golongan ini dapat memahaminya dengan baik dan melaksanakan semua prinsip tersebut. Selain itu, Islam Hadhari ini mesti mempunyai pelan bertindak yang sistematik khususnya berkaitan kerjaya yang cemerlang, kewangan yang telus, rakyat yang sihat dan hidup dalam keadaan aman. Umat Islam di Malaysia berharap agar agenda Islam Hadhari disusun dan dijalankan dengan sebaik-baiknya supaya tasawwur tentang Islam tidak bersifat retorik semata-mata. Agenda tersebut harus disusun dengan lebih baik untuk masyarakat yang toleran, berintegrasi dan saling menghormati antara suku kaum dan pegangan agama. Semua ini mesti dilakukan dengan berpegang kepada al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah s.a.w. dengan mengambil negara Islam Madinah sebagai contoh untuk membina satu sistem kenegaraan yang utuh dan cemerlang.

Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari  
Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia

